

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat

1. Tujuan

Sebagaimana yang digambarkan dalam Tatakelakuan Sedunia dan melalui tingkah laku HEAR sedunia Cochlear, Cochlear komited untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang mematuhi undang-undang, beretika dan bertanggungjawab yang menggalakkan tadbir urus yang baik. Salah satu tingkah laku HEAR sedunia ialah “saya mengutarakan isu yang rumit dan penting” dan Cochlear memandang serius mana-mana tingkah laku yang dilaporkan di bawah Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat ini. Tujuan Dasar ini adalah untuk memberi Individu yang Layak Dilindungi kuasa untuk melaporkan, secara rahsia serta tanpa nama jika dia mahu, Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan yang disyaki atau telah benar-benar berlaku tanpa rasa takut akan dikenakan tindakan balas, pemangsaan atau diletakkan dalam keadaan yang merugikan.

Individu Yang Layak Dilindungi bermaksud mana-mana penjawat atau bekas penjawat Cochlear: pegawai (termasuk pengarah); pekerja (termasuk pekerja tetap, separuh masa, tempoh tetap atau sementara); pembekal; kontraktor atau perunding (termasuk para pekerjanya), Sekutu dan sanak saudara, tanggungan atau pasangan semasa atau bekas sekutu dan sanak saudara, tanggungan atau pasangan kepada individu yang dinyatakan di atas.

Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan bermaksud salah laku atau keadaan atau suasana yang tidak betul, termasuk tingkah laku yang menyalahi undang-undang, tidak beretika atau tidak bertanggungjawab, berkaitan dengan Cochlear. Contohnya, penipuan, rasuah, sogokan, penggelapan dana, melakukan sesuatu yang memudaratkan Individu yang Layak Dilindungi atau pelanggaran undang-undang, peraturan atau dasar atau prosedur Cochlear yang lain.

2. Matlamat dan Manfaat

Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat ini bertujuan untuk:

- (a) menggalakkan budaya bertindak dengan mematuhi undang-undang, beretika dan bertanggungjawab;
- (b) menggariskan dengan jelas jenis salah laku yang sepatutnya dilaporkan;
- (c) menguasai Individu yang Layak Dilindungi untuk melaporkan Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan sama ada yang disyaki atau telah benar-benar berlaku dengan yakin, dengan menyediakan proses yang jelas serta menghormati kerahsiaan dan jika dipilih, ketanpanamaan (tertakluk pada undang-undang dan peraturan setempat);
- (d) menggariskan proses membuat dan menyiasat laporan;
- (e) mencegah perbuatan tuduh-menuduh terhadap mana-mana Individu Yang Layak Dilindungi disebabkan oleh laporan yang dibuat menurut Dasar ini.

Sesetengah individu mungkin mempunyai hak undang-undang dan perlindungan sebagai pemberi maklumat menurut undang-undang yang berkenaan dalam bidang kuasa mereka. Maklumat lanjut berkenaan perlindungan ini dinyatakan dalam Lampiran bagi Dasar ini.

3. Dasar

3.1 ISU YANG PERLU DILAPORKAN

[Individu Yang Layak Dilindungi](#) yang mempunyai alasan munasabah untuk mengesyaki [Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan](#) digalakkan untuk membuat laporan, dengan memberikan semua [Maklumat Berkaitan](#), jika boleh.

Sebarang [Kilanan Peribadi Berkaitan Kerja](#) adalah di luar skop Dasar ini dan perlu ditangani menurut Dasar dan Tatacara Kilanan setempat dan/atau dilaporkan kepada People & Culture Business Partner (Pakar Perhubungan Pekerja) setempat.

Individu yang Layak Dilindungi tidak perlu memastikan Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan telah berlaku untuk membuat laporan (contohnya jika dia hanya ada sesetengah maklumat yang membawa kepada kecurigaan tetapi bukan semua butiran) dan dia akan dilindungi mengikut Dasar ini walaupun laporan itu rupanya tidak benar. Walau bagaimanapun, Individu yang Layak Dilindungi tidak boleh membuat laporan yang diketahui sebagai palsu. Jika seseorang individu didapati sengaja membuat laporan palsu, ini akan dianggap sebagai perkara serius dan mungkin akan menyebabkan tindakan disiplin diambil.

3.2 CARA MEMBUAT LAPORAN

Individu yang Layak Dilindungi yang mempunyai alasan munasabah untuk mengesyaki Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan yang telah berlaku digalakkan melaporkan Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan tersebut terus kepada:

- (f) [Cochlear Whistleblower Service](#) (Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear) yang dikendalikan oleh pihak bebas luar (lihat butiran hubungan di bawah dalam bahagian 3.4); atau
- (g) ahli CLTD Executive Team (Pasukan Eksekutif CLTD) (**Penerima yang Layak**).

Peranan Penerima yang Layak dan Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear adalah untuk menerima pendedahan yang layak dilindungi di bawah Dasar ini.

Apabila menerima laporan, Penerima yang Layak hendaklah:

- (a) mengambil langkah yang bersesuaian untuk melindungi kerahsiaan laporan, termasuk memastikan bahawa sebarang perbualan berlaku secara rahsia dan sebarang salinan elektronik serta bertulis laporan tersebut disimpan dengan selamat;
- (b) menanyakan sama ada Individu yang Layak Dilindungi bersetuju membenarkan Penerima yang Layak mendedahkan identitinya (tertakluk pada undang-undang dan peraturan setempat) dan selanjutnya untuk dihubungi sebagai sebahagian daripada penyiasatan; dan
- (c) dengan serta-merta merujuk Individu yang Layak Dilindungi kepada Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear sekiranya Individu yang Layak Dilindungi tidak mahu mendedahkan identitinya, untuk membantu mengekalkan ketanpamaannya;

ATAU

- (d) dengan serta-merta memberikan laporan lengkap kepada Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan), sekiranya Individu yang Layak Dilindungi telah bersetuju mendedahkan identitinya dan bersetuju untuk dihubungi sebagai sebahagian daripada penyiasatan.

Jika anda ingin mendapatkan maklumat lanjut sebelum membuat laporan tentang Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan, sila hubungi Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan).

Jika Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) didakwa terlibat dalam sebarang tingkah laku yang dilaporkan, laporan tersebut boleh diberikan atau dimaklumkan kepada VP, Group Risk & Assurance (VP, Risiko & Jaminan Kumpulan). Jika anda percaya atau mengesyaki bahawa terdapat pelanggaran kerahsiaan atau jika anda percaya bahawa anda telah dijadikan mangsa kerana membuat laporan, dan Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) didakwa terlibat dalam kebimbangan anda, isu tersebut boleh dibincangkan dengan Penerima yang Layak atau *Cochlear Whistleblower Service* (Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear), yang berkenaan. Apabila keadaan tersebut timbul, rujukan dalam Dasar ini berkenaan Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) boleh digunakan sebagai rujukan kepada VP, Group Risk & Assurance (VP, Risiko & Jaminan Kumpulan) atau Penerima yang Layak atau *Cochlear Whistleblower Service* (Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear), yang berkenaan.

3.3 MASA UNTUK MEMBUAT LAPORAN

Individu yang Layak Dilindungi digalakkan melaporkan Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan sebaik sahaja dia mempunyai alasan munasabah untuk mengesyaki bahawa salah laku tersebut telah berlaku. Masa membuat laporan tidak pernah terlalu lambat kerana tingkah laku yang berlaku pada masa dahulu juga mungkin masih meninggalkan kesan yang ketara.

3.4 [COCHLEAR WHISTLEBLOWER SERVICE \(PERKHIDMATAN PEMBERI MAKLUMAT COCHLEAR\)](#)

Cochlear melantik pihak ketiga yang bebas untuk menyediakan Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear, yang tersedia di seluruh dunia, selama 24 jam sehari dan 7 hari seminggu. Perkhidmatan ini dapat diakses dengan mengklik pada pautan “Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear” di atas atau mengunjungi www.cochlearwhistleblower.deloitte.com.au.

Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear memberikan pilihan untuk membuat laporan dalam empat cara yang berbeza: melalui telefon, melalui e-mel, melalui pos atau menyerahkan laporan dalam talian. Butiran hubungan diberikan pada halaman “Cara Membuat Laporan” pada laman web tersebut. Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear menawarkan perkhidmatan panggilan percuma dan nombor telefon dail terus untuk 27 negara, dalam bahasa ibunda, jika berkenaan, serta nombor telefon dail terus dalam bahasa Inggeris untuk semua negara lain. Laman web tersedia dalam 19 bahasa yang berbeza.

Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) akan dimaklumkan tentang setiap laporan yang diserahkan melalui Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear.

3.5 PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

(a) Ketanpanamaan

Untuk membantu penyiasatan yang mungkin dijalankan ke atas laporan yang anda buat, kami menggalakkan anda agar bersetuju mendedahkan identiti anda kepada Cochlear apabila menggunakan Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear atau membuat laporan kepada Penerima yang Layak.

Walau bagaimanapun jika anda mahu, tertakluk pada undang-undang dan peraturan setempat di negara anda, anda boleh memilih untuk kekal tanpa nama, termasuk sepanjang siasatan dan selepas siasatan diselesaikan. Cochlear akan menilai kandungan laporan anda dengan cara yang sama seperti jika anda mendedahkan identiti anda. Kebenaran anda perlu diperolehi, sama ada daripada *Cochlear Whistleblower Service* (Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear) atau Penerima yang Layak, sebelum identiti anda (dan maklumat yang berkemungkinan akan menyebabkan identiti anda dikenal pasti) boleh didedahkan, melainkan dibenarkan oleh undang-undang. Jika anda ingin kekal tanpa nama, anda disyorkan membuat laporan kepada *Cochlear Whistleblower Service* (Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear), yang membolehkan anda membuat laporan secara tanpa nama. Laporan tanpa nama kepada *Cochlear Whistleblower Service* (Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear) atau Individu yang Layak juga tidak disyorkan untuk dibuat dalam Cochlear (iaitu, menggunakan kemudahan Cochlear seperti komputer atau telefon) kerana aktiviti ini biasanya akan direkodkan secara automatik, oleh itu kerahsiaan tanpa nama tidak dapat dijamin.

Jika anda memilih untuk kekal tanpa nama, anda digalakkan menyemak semula laporan anda dan mengekalkan dialog secara berterusan supaya soalan susulan boleh ditanya kepada anda. Sebagai sebahagian daripada perkara ini, anda boleh menolak daripada menjawab soalan yang anda rasa boleh mendedahkan identiti anda pada bila-bila masa.

(b) Kerahsiaan

Cochlear akan memastikan laporan anda kekal rahsia dan hanya akan mendedahkan maklumat berkenaan identiti anda atau maklumat yang mungkin dapat mengenal pasti identiti anda sejajar dengan keizinan yang anda berikan atau yang dibenarkan oleh undang-undang. Laporan akan diterima dan dikendalikan dengan sensitif dan serius.

Sebagai tambahan kepada langkah yang diambil oleh Penerima yang Layak berkaitan dengan perlindungan kerahsiaan anda, seperti yang dinyatakan di atas, Cochlear juga:

- (a) mengehadkan akses kepada maklumat berkaitan dengan laporan anda; dan
- (b) menyemak dengan teliti dan menyahcam aspek tertentu laporan anda.

Anda berhak membangkitkan kepada Cochlear isu yang dialami akibat daripada membuat laporan dan meminta Cochlear mengambil tindakan positif, termasuk jika anda percaya atau mengesyaki terdapat pelanggaran kerahsiaan. Semua isu perlu dibincangkan dengan [Group General Counsel \(Penasihat Undang-undang Kumpulan\)](#) untuk memastikan kebimbangan anda ditangani dengan segera. Jika anda memilih untuk kekal tanpa nama atau jika sebaliknya berkenaan dengan bahagian 3.2, semua isu akan dibincangkan dengan Penerima yang Layak yang berkaitan atau dikemukakan kepada *Cochlear Whistleblower Service* (Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear), jika berkenaan.

(c) Tuduh-menuduh

Cochlear komited untuk menghormati dan melindungi Individu yang Layak Dilindungi yang membuat laporan mengikut Dasar ini atau yang membuat pendedahan luaran yang dilindungi di bawah undang-undang yang berkaitan.

Cochlear tidak akan menjadikan mangsa, menghukum atau memecat mana-mana individu kerana membuat laporan dalam keadaan ini. **Pekerja, pegawai, perunding dan kontraktor Cochlear tidak boleh menjadikan mana-mana individu sebagai mangsa atau menyebabkan mana-mana individu dijadikan mangsa, kerana membuat laporan di bawah Dasar ini. Pemangsaan termasuk ugutan, gangguan berulang kali, ancaman, pemaksaan, tindakan yang menyebabkan kecederaan, kerugian atau kerosakan, diskriminasi, diletakkan dalam keadaan yang merugikan, layanan buruk berkaitan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, perdagangan atau perniagaan seseorang. Cochlear memandang berat terhadap tindakan pemangsaan sedemikian dan akan mengambil tindakan wajar, yang mungkin termasuk tindakan disiplin dan pemecatan bagi kes yang melibatkan pekerja.**

Cochlear akan mengambil langkah untuk menilai risiko mudarat yang dihadapi oleh Individu Yang Layak Dilindungi agar Cochlear dapat memberikan sokongan yang wajar. Jika anda dapat dihubungi, Cochlear akan berazam untuk mengumpulkan maklumat daripada anda tentang risiko mudarat terhadap anda, yang mungkin melibatkan:

- (a) risiko identiti anda dikenali;
- (b) sebarang kekhawatiran yang anda alami berkenaan mudarat terhadap anda;
- (c) sama ada terdapat sebarang konflik atau masalah sedia ada di tempat kerja; dan
- (d) sama ada terdapat sebarang ancaman untuk menyebabkan mudarat terhadap anda.

Cochlear akan menilai sebarang risiko dan kemungkinan akibat yang dikenal pasti serta membangunkan dan melaksanakan strategi untuk menguruskan perkara tersebut mengikut kesesuaian.

Jika anda percaya anda telah dijadikan mangsa kerana membuat laporan, sila laporkan perkara ini dengan segera kepada Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan). Cochlear berazam untuk melindungi Individu Yang Layak Dilindungi daripada mudarat dengan pelbagai cara. Ini mungkin termasuk, mengikut budi bicara Cochlear:

- (a) melaksanakan proses siasatan dengan sewajarnya;
- (b) memantau dan mengurus tingkah laku kakitangan Cochlear yang lain;
- (c) membenarkan individu menjalankan tugasnya dari lokasi lain;
- (d) mengambil tindakan disiplin dengan sewajarnya untuk tingkah laku yang melanggar peruntukan pemangsaan dan kerahsiaan Dasar ini; dan/atau
- (e) menyediakan perkhidmatan sokongan.

Cochlear akan mencari cara untuk memberikan sokongan kepada semua Individu yang Layak Dilindungi yang membuat laporan di bawah Dasar ini, tetapi Cochlear tidak akan dapat memberi individu yang bukan kakitangannya jenis dan tahap sokongan yang sama yang diberikan kepada kakitangannya. Jika Dasar ini tidak boleh digunakan untuk individu yang bukan kakitangan, Cochlear tetap berazam untuk memberikan sokongan yang boleh dipraktikkan secara munasabah dengan sebaik mungkin. Cochlear pada bila-bila masa akan dapat membangkitkan dan mengemukakan kepada Individu yang Layak Dilindungi hal yang timbul sepanjang tempoh penggajian atau hubungan kontraknya dengan Cochlear (contohnya salah laku atau kebimbangan prestasi yang berasingan) atau mengambil tindakan yang wajar untuk melindungi Individu yang Layak Dilindungi dan ini tidak akan menjadi tingkah laku yang memudaratkan.

3.6 PENYIASATAN

Gambar rajah di bawah menggariskan langkah tahap tinggi yang akan diambil oleh Cochlear secara umum sebaik sahaja laporan telah diterima.

Laporan diterima oleh Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan), sama ada daripada Penerima Layak atau melalui Cochlear Whistleblower Service (Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear)



Laporan akan diberikan kepada Investigating Officer (Pegawai Penyiasat). Penilaian awal akan dijalankan oleh Investigating Officer (Pegawai Penyiasat) untuk mengesahkan sama ada laporan perlu disiasat secara rasmi



Jika sesuai, Investigating Officer (Pegawai Penyiasat) (atau individu lain yang dilantik oleh Investigating Officer (Pegawai Penyiasat)) akan menyiasat laporan tersebut untuk mencari fakta yang berkaitan dengan laporan



Individu Yang Layak Dilindungi akan dimaklumkan mengikut Dasar ini jika mereka boleh dihubungi



Sebaik sahaja penyiasatan dimuktamadkan, laporan akan disediakan (menjadi milik Cochlear) dan Individu Yang Layak Dilindungi akan dimaklumkan tentang penemuan penyiasatan, jika sesuai



Tindakan susulan diambil dengan sewajarnya

(a) Proses

Penerima yang Layak dikehendaki untuk memberi Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) laporan yang diterima olehnya di bawah Dasar ini, tertakluk pada keperluan ketanpanamaan dan kerahsiaan dalam bahagian 3.5. Apabila menerima laporan, sama ada secara langsung atau melalui Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear, Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) akan:

- (i) melantik Investigating Officer (Pegawai Penyiasat) untuk menilai laporan dan, sekiranya wajar, menyiasat laporan bagi mencari fakta berkaitan dengan laporan, tertakluk pada keperluan kerahsiaan yang berkenaan; dan
- (ii) memaklumi Individu yang Layak Dilindungi tentang dapatan siasatan berkaitan dengan laporan, mana-mana yang berkenaan (iaitu, sama ada dakwaan itu memang berasas, mungkin berasas, tidak dapat dipastikan sama ada berasas atau tidak, atau tidak berasas sama sekali). Butiran penuh hasil penyiasatan mungkin tidak tersedia untuk dicapai atas sebab yang berkaitan dengan kerahsiaan, privasi dan hak undang-undang mereka yang terlibat.

Respons Cochlear terhadap laporan berbeza bergantung pada sifat laporan, termasuk jumlah maklumat yang didedahkan. Siasatan terhadap pendedahan mungkin mustahil jika Cochlear tidak dapat menghubungi Individu yang Layak Dilindungi (contohnya, jika pendedahan dibuat secara tanpa nama tanpa cara untuk menghubungi Individu yang Layak Dilindungi).

Jika siasatan dibuat, objektifnya adalah untuk menentukan sama ada terdapat bukti yang cukup untuk menyatakan bahawa perkara yang dilaporkan adalah berasas. Siasatan akan dijalankan oleh individu yang tidak mempunyai kaitan dengan Individu yang Layak Dilindungi, individu yang menjadi subjek laporan dan jabatan atau unit perniagaan yang terlibat.

Rangka masa siasatan berbeza bergantung pada sifat laporan. Penyiasat akan memaklumi wartawan secara tetap tentang perkembangan terkini status siasatan (termasuk berkaitan dengan rangka masa) jika mereka dapat dihubungi. Ke kerapannya dan rangka masa kemas kini mungkin berbeza bergantung pada sifat pendedahan.

Responden yang didakwa terlibat dalam Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan akan diberikan peluang untuk memberikan respons kepada dakwaan tersebut mengikut dan apabila terdapat keperluan menurut prinsip keadilan tatacara dan tertakluk pada keperluan kerahsiaan yang dikenakan. Mana-mana pekerja sedemikian, di samping kontraktor dan perunding (termasuk para pekerja mereka), juga boleh mengakses perkhidmatan kaunseling Employee Assistance Program (EAP) (Program Bantuan Pekerja) Cochlear.

Kaedah mendokumenkan dan melaporkan dapatan siasatan akan bergantung pada sifat laporan. Umumnya, apabila siasatan selesai, Investigating Officer (Pegawai Penyiasat) akan menyerahkan laporan bertulis tentang dapatan beliau kepada Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) yang mungkin pula akan memberikannya kepada pembuat keputusan yang relevan (tertakluk pada keperluan kerahsiaan yang dikenakan). Laporan seumpamanya ialah hak milik Cochlear dan tidak akan diberikan kepada Individu yang Layak Dilindungi atau individu lain yang menjadi subjek laporan.

Oleh sebab proses penyiasatan dijalankan senyap-senyap tanpa menimbulkan syak, tindakan yang diambil berikutan laporan yang dibuat mungkin tidak begitu ketara dengan serta-merta di tempat kerja.

(b) Komunikasi

Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) dan Investigating Officer (Pegawai Penyiasat) akan memaklumi Individu yang Layak Dilindungi secara tetap tentang perkembangan terkini penyiasatan, seperlunya.

4. Undang-undang Setempat

Dasar ini mestilah ditafsirkan bersama dan tertakluk pada undang-undang setempat.

5. Latihan

Secara berkala, latihan akan diberikan kepada pegawai dan pekerja Cochlear tentang Dasar ini, termasuk hak dan kewajipan pekerja di bawah Dasar ini dan bagi Penerima yang Layak, cara memberikan respons kepada laporan di bawah Dasar ini.

6. Akses kepada Dasar

Dasar ini tersedia secara umum pada bahagian Tadbir Urus Korporat [cochlear.com](https://www.cochlear.com), termasuk kepada pekerja dan pegawai Cochlear.

Dasar ini akan disemak secara berkala untuk memastikan bahawa dasar ini berjalan dengan berkesan dan sama ada perubahan diperlukan.

7. Pelaporan

Board (Lembaga) Cochlear akan menerima maklumat ringkasan berhubung dengan kebimbangan yang dibangkitkan di bawah dasar ini secara berkala, termasuk metrik yang bersesuaian berkenaan pendedahan yang dibuat. Board (Lembaga) juga mungkin akan diberikan maklumat tambahan tentang sebarang kejadian penting yang dibangkitkan. Maklumat yang diterima oleh Board (Lembaga) akan dinyahcam mengikut keperluan.

8. Terma dan Syarat

Dasar ini tidak membentuk sebahagian daripada mana-mana kontrak penggajian atau kontrak pengambilan dan boleh dipinda, digantikan atau dibatalkan pada bila-bila masa oleh Cochlear atas budi bicaranya semata-mata.

9. Definisi dan Tafsiran

9.1 DEFINISI

Sekutu bermaksud pengarah atau setiausaha Cochlear, individu yang bertindak bersama Cochlear atau dicadangkan untuk bertindak bersama-sama, atau individu yang bersekutu atau dicadangkan untuk bersekutu dengan Cochlear (sama ada secara rasmi atau tidak rasmi) dengan sebarang cara lain.

Cochlear bermaksud Cochlear Limited dan setiap satu daripada badan syarikatnya.

Kilanan Peribadi Berkaitan Kerja bermaksud kilanan tentang hal yang berkaitan dengan pekerjaan atau bekas pekerjaan Individu Yang Layak Dilindungi, dengan implikasi terhadap diri Individu Yang Layak Dilindungi itu sendiri tetapi tidak menyebabkan implikasi signifikan lain terhadap Cochlear atau berkaitan dengan Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan yang benar-benar berlaku atau didakwa berlaku. Contohnya, Kilanan Peribadi Berkaitan Kerja termasuklah konflik antara Individu yang Layak Dilindungi dan pekerja lain, keputusan tentang pengambilan, pemindahan atau kenaikan pangkat Individu yang Layak Dilindungi atau keputusan untuk menggantung atau memecat Individu yang Layak Dilindungi atau sebaliknya mengenakan tindakan disiplin terhadapnya. Walau bagaimanapun, ini **tidak** termasuk kilanan tentang Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan atau perkara yang mungkin melibatkan salah laku berkaitan dengan Cochlear atau individu lain selain Individu Yang Layak Dilindungi secara peribadi, pelanggaran undang-undang penggajian atau undang-undang lain yang boleh dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan atau lebih atau kilanan yang berkaitan dengan kemudaratan yang telah dialami oleh atau ancaman kemudaratan atau terhadap Individu Yang Layak Dilindungi kerana telah membuat laporan tentang Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan; kilanan sedemikian hendaklah dibangkitkan menurut Dasar ini.

Maklumat Berkaitan bermaksud mana-mana maklumat yang boleh diberikan, termasuk:

- (a) nama dan jawatan setiap individu yang terlibat dalam Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan dan mana-mana saksi;
- (b) huraian terperinci tentang Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan termasuk butiran tingkah laku yang didakwa, tarikh, masa, lokasi, cara disedari (contohnya, pengalaman sendiri, terdengar daripada orang lain), perantara (contohnya, secara berdepan, melalui telefon, e-mel); dan
- (c) mana-mana langkah yang telah anda ambil untuk melaporkan hal tersebut di tempat lain.

Anda digalakkan agar memberikan bukti fizikal yang mungkin ada tetapi ini bukan keperluan wajib sebagai syarat untuk membuat laporan.

10. Kawalan Versi

Pemakaian dasar	Sedunia
Pelulus dasar	Board of Directors (Lembaga Pengarah)
Nama pemilik dasar	Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan)
Nama wakil dasar	Global Compliance Officer (Pegawai Pematuhan Global)
Nombor versi dasar	6.0
Tarikh versi dasar	24 Oktober 2022
Kitaran semakan dasar	Tahunan
Dokumen yang berkait	Tatakelakuan Sedunia
Dokumen industri yang berkait	ASX Corporate Governance Council's Principles and Recommendations, 4th edition (Prinsip dan Cadangan Jawatankuasa Tadbir Urus Korporat ASX (Bursa Saham Australia), edisi ke-4) Treasury Laws Amendment (Enhancing Whistleblower Protections) Act 2018 (Cth) (Pindaan Undang-undang Perbendaharaan (Meningkatkan Perlindungan Pemberi Maklumat) Akta 2018 (Komanwel)) ASIC Information Sheet 238 (Whistleblower rights and protections) and Information Sheet 239 (How ASIC handles whistleblower reports) (Helaian Maklumat 238 (Hak dan perlindungan pemberi maklumat) dan Helaian Maklumat 239 ASIC (Cara ASIC mengendalikan laporan pemberi maklumat)) ASIC Regulatory Guide 270 – Whistleblower Policies (Panduan Kawal Selia 270 ASIC – Dasar Pemberi Maklumat)
Nombor Windchill	D1176928 V5 Malay translation of D1176925 V5 2022-08

Lampiran 1

Perlindungan untuk pemberi maklumat termasuk yang di bawah undang-undang Australia

Bagaimanakah saya akan dilindungi jika saya membangkitkan kebimbangan?

Seperti yang dinyatakan dalam Dasar ini, Cochlear komited untuk melindungi Individu yang Layak Dilindungi yang membuat laporan tentang Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan.

Dua perlindungan utama menyimpulkan semua aspek Dasar ini iaitu untuk melindungi kerahsiaan Individu yang Layak Dilindungi yang membuat laporan seumpamanya dan untuk melindungi individu daripada terjejas atas sebab yang berkaitan dengan laporan tersebut. Butiran lanjut tentang perlindungan ini dinyatakan di bawah.

Perlindungan juga boleh timbul di bawah undang-undang. Contohnya, bagi laporan yang timbul berhubung dengan operasi Cochlear di Australia atau operasi entitinya yang ditubuhkan di Australia, *Corporations Act 2001* (Cth) (**Akta Perbadanan**) dan *Taxation Administration Act 1953* (Cth) (**Akta Pentadbiran Percukaian**) melindungi Individu yang Layak Dilindungi jika dia membuat pendedahan tentang “hal yang boleh didedahkan” kepada individu yang ditentukan di bawah Akta tersebut.

“Hal yang boleh didedahkan” di bawah Akta Perbadanan akan timbul jika Individu yang Layak Dilindungi membuat laporan dalam keadaan dia mempunyai asas yang munasabah untuk mengesyaki bahawa maklumat tersebut berkenaan dengan salah laku atau keadaan tidak wajar berkaitan dengan syarikat Cochlear, termasuk tetapi tidak terhad kepada, tingkah laku yang:

- menjadi kesalahan di bawah pelbagai undang-undang sektor korporat dan kewangan yang ditentukan di bawah Akta Perbadanan;
- terdiri daripada kesalahan di bawah undang-undang Komanwel yang boleh dijatuhkan hukuman penjara selama 12 bulan atau lebih;
- boleh mendatangkan bahaya kepada orang awam atau sistem kewangan; atau
- yang ditetapkan oleh peraturan.

Tambahan pula, pendedahan juga boleh dilindungi sebagai “hal yang boleh didedahkan” di bawah Akta Pentadbiran Percukaian jika laporan itu berkaitan dengan pelanggaran undang-undang cukai Australia atau salah laku berkaitan cukai.

Laporan tentang “hal yang boleh didedahkan” oleh Individu yang Layak Dilindungi akan dilindungi di bawah Akta Perbadanan dan Akta Pentadbiran Percukaian jika laporan dibuat kepada Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear atau ahli CLTD Executive Team (Pasukan Eksekutif CLTD). Perlindungan ini juga disediakan berkaitan dengan pendedahan yang dibuat kepada individu lain yang ditentukan di bawah Akta tersebut seperti yang dinyatakan dengan lebih lanjut di bawah.

Jika anda membuat pendedahan kepada pengamal undang-undang atas tujuan mendapatkan nasihat undang-undang atau perwakilan undang-undang, pendedahan anda juga akan dilindungi walaupun pendedahan tersebut tidak berkaitan dengan “hal yang boleh didedahkan”.

Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan yang tidak sampai menjadi “hal yang boleh didedahkan” di bawah Akta Perbadanan atau Akta Pentadbiran Percukaian tidak akan dilindungi di bawah Akta tersebut, tetapi akan dilindungi menurut Dasar ini.

Perlindungan utama di bawah Dasar ini dan undang-undang Australia yang berkenaan adalah seperti berikut:

Kerahsiaan: Cochlear melindungi kerahsiaan orang yang membangkitkan kebimbangan, dengan membataskan cara perkongsian kedua-dua identiti dan maklumat anda yang membolehkan diri anda dikenal pasti. Identiti anda akan dirahsiakan sepenuhnya sehingga takat yang paling mungkin dan hanya akan dikongsi seperti yang dibenarkan oleh anda atau undang-undang.

Di bawah Akta Perbadanan (dan Akta Pentadbiran Cukai, jika berkenaan), jika laporan dibuat tentang “hal yang boleh didedahkan” oleh Individu yang Layak Dilindungi kepada Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear, ahli CLTD Executive Team (Pasukan Eksekutif CLTD) atau individu lain yang ditentukan di bawah Akta tersebut (seperti yang dinyatakan di bawah), identiti Individu yang Layak Dilindungi itu (dan maklumat yang boleh mengenal pasti dirinya) hanya boleh didedahkan tanpa keizinannya jika pendedahan itu adalah kepada:

- Australian Securities and Investments Commission (Suruhanjaya Sekuriti dan Pelaburan Australia) atau Australian Prudential Regulation Authority (Pihak Berkuasa Peraturan Berhemat Australia);
- Australian Federal Police (Polis Persekutuan Australia);
- Australian Commissioner of Taxation (Pesuruhjaya Percukaian Australia) berhubung dengan salah laku berkaitan cukai; atau
- pengamal undang-undang atas tujuan mendapatkan nasihat undang-undang atau perwakilan undang-undang,

atau jika terdapat keperluan munasabah untuk mendedahkan maklumat untuk tujuan siasatan, dengan syarat identitinya tidak didedahkan dan semua langkah yang munasabah diambil oleh Cochlear untuk mengurangkan risiko pengenalanpastian dirinya.

Mengenal pasti Individu yang Layak Dilindungi atau mendedahkan maklumat dalam laporan tentang “hal yang boleh didedahkan” yang dibuat olehnya yang mungkin akan menyebabkan dirinya dikenal pasti selain yang dinyatakan di atas merupakan satu kesalahan. Laporan juga boleh dibuat secara tanpa nama dan tetap dilindungi di bawah Akta Perbadanan.

Tiada pemangsaan: Cochlear melindungi individu daripada mudarat yang timbul akibat dia membangkitkan kebimbangan atau merancang untuk membangkitkan kebimbangan. Cochlear tidak bertoleransi dengan sesiapa yang mengugut untuk menyebabkan atau menyebabkan mudarat kepada anda kerana keinginan atau keputusan anda untuk membangkitkan kebimbangan. Perbuatan sedemikian dipandang serius oleh Cochlear dan boleh membawa kepada tindakan disiplin.

Dalam keadaan tertentu, perlindungan ini juga boleh dikuatkuasakan di bawah Akta Perbadanan atau Akta Pentadbiran Cukai (jika laporan berkaitan dengan salah laku berkaitan cukai). Menurut undang-undang ini, kesalahan berlaku apabila seseorang melibatkan diri dalam tingkah laku (atau mengugut untuk melibatkan diri dalam tingkah laku) yang menyebabkan mudarat kepada anda (atau individu lain) jika:

- individu itu percaya atau mengesyaki bahawa anda (atau individu lain) membuat, mungkin telah membuat, bercadang untuk membuat atau boleh membuat pendedahan yang layak untuk dilindungi dan
- kepercayaan atau syak tersebut ialah sebab (atau sebahagian daripada sebab) bagi tingkah laku tersebut.

Jika perlindungan ini terpakai, anda juga dilindungi daripada liabiliti kerana membuat laporan (sama ada melalui prosiding undang-undang sivil, jenayah atau pentadbiran atau remedi kontrak atau lain-lain yang dikenakan terhadap anda). Selanjutnya, maklumat yang anda dedahkan dalam laporan yang dibuat kepada pengawal selia atau pihak berkuasa Komanwel tidak boleh digunakan dalam perbicaraan undang-undang terhadap anda (kecuali perbicaraan berkaitan dengan pemberian maklumat palsu). Walau bagaimanapun, anda tidak akan diberi imuniti daripada akibat jika anda sendiri telah melibatkan diri dalam salah laku yang didedahkan dalam laporan anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan disiplin).

Bilakah saya akan dilindungi?

Cochlear memberikan perlindungan kepada individu yang membangkitkan kebimbangan menurut Dasar ini, seperti yang dinyatakan dalam Dasar ini.

Cochlear juga memberikan perlindungan ini kepada Individu yang Layak Dilindungi yang membuat pendedahan tentang Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan yang merupakan “hal yang boleh didedahkan” di bawah Akta Perbadanan (atau Akta Pentadbiran Cukai, jika berkenaan) kepada Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear, ahli CLTD Executive Team (Pasukan Eksekutif CLTD) atau “penerima layak” lain di bawah undang-undang yang termasuk:

- pengarah, pegawai atau pengurus kanan Cochlear;
- juruaudit atau ahli pasukan audit yang menjalankan audit Cochlear;
- aktuari Cochlear;
- ASIC, APRA atau dalam kes salah laku berkaitan cukai, Pesuruhjaya Percukaian Australia atau
- pengamal undang-undang, untuk tujuan mendapatkan nasihat undang-undang atau perwakilan undang-undang berkaitan dengan kebimbangan anda.

Dalam keadaan yang terhad, pendedahan “kepentingan awam” atau “kecemasan” tertentu yang dibuat kepada wartawan atau ahli parlimen juga dilindungi oleh undang-undang. Penting bagi anda untuk memahami kriteria untuk membuat pendedahan “kepentingan awam” atau “kecemasan” sebelum berbuat demikian. Contohnya, anda mestilah sebelum itu pernah membuat pendedahan kepada ASIC, APRA atau badan lain yang ditentukan sebelum anda boleh membuat pendedahan “kepentingan awam” atau “kecemasan” dan dalam kes pendedahan “kepentingan awam”, sekurang-kurangnya 90 hari mesti telah berlalu sejak pendedahan sebelumnya. Sila hubungi Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) jika anda ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang perkara ini.

Anda digalakkan membangkitkan pendedahan kepada ahli CLTD Executive Team (Pasukan Eksekutif CLTD) atau Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear pada mulanya, agar Cochlear dalam kedudukan yang dapat mengenal pasti dan menangani mana-mana kesalahan yang berlaku dengan secepat mungkin. Walau bagaimanapun, anda layak untuk dilindungi tanpa mengira penerima yang layak di atas yang anda pilih untuk membangkitkan pendedahan. Pengamal undang-undang bebas juga mungkin dapat memberi anda maklumat lanjut sebelum anda membuat laporan. Seperti yang dinyatakan dalam Dasar ini, Cochlear memandang serius laporan tentang Tingkah Laku yang Wajar Dilaporkan dan akan menangani laporan seumpamanya secara sensitif dan rahsia.

Apakah yang patut saya lakukan jika berlaku pelanggaran perlindungan?

Cochlear memandang serius pelanggaran perlindungan ini. Jika anda percaya pelanggaran telah berlaku, anda hendaklah membangkitkan perkara ini kepada Group General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) (atau, jika General Counsel (Penasihat Undang-undang Kumpulan) terlibat dalam kebimbangan anda, dengan ahli CLTD Executive Team (Pasukan Eksekutif CLTD) atau *Cochlear Whistleblower Service* (Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear)).

Jika anda mengalami mudarat kerana seseorang individu percaya atau mengesyaki bahawa anda atau orang lain telah, bercadang untuk membuat, boleh membuat atau mungkin akan membuat laporan yang layak untuk dilindungi di bawah Akta Perbadanan, anda juga boleh meminta pampasan dan remedi lain melalui mahkamah jika anda mengalami kerugian, kerosakan atau kecederaan kerana pendedahan tersebut, termasuk jika Cochlear gagal mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dan melakukan usaha wajar untuk mencegah tingkah laku yang memudaratkan itu. Anda hendaklah meminta nasihat undang-undang jika anda mempertimbangkan untuk mendapatkan remedi seumpamanya.

Adakah apa-apa yang tidak dilindungi oleh Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat?

Dasar dan perlindungan di bawah undang-undang (termasuk Akta Perbadanan) umumnya tidak terpakai bagi kilan peribadi berkaitan kerja. Ini ialah laporan yang berkaitan dengan penggajian anda dengan Cochlear dan hanya mempunyai implikasi kepada diri anda. Sebagai contoh, kilan peribadi berkaitan kerja termasuklah konflik antara Individu yang Layak Dilindungi dan pekerja lain, keputusan tentang pengambilan, pemindahan atau kenaikan pangkat Individu yang Layak Dilindungi atau keputusan untuk menggantung atau memecat Individu yang Layak Dilindungi atau sebaliknya mengenakan tindakan disiplin ke atasnya. Sebaliknya, hal ini hendaklah dilaporkan menurut Dasar dan Tatacara Kilan setempat anda dan/atau dilaporkan kepada People & Culture Business Partner (Pakar Perhubungan Pekerja) setempat.

Walau bagaimanapun, Dasar ini dan undang-undang masih terpakai dalam sesetengah keadaan, sebagai contoh, sekiranya kebimbangan anda:

- berkaitan dengan “hal yang boleh didedahkan” (lihat di atas);
- mempunyai implikasi yang signifikan kepada Cochlear;
- berkaitan dengan mudarat yang anda alami atau anda diugut dengannya kerana membangkitkan kebimbangan; atau
- berkaitan dengan salah laku di luar keadaan peribadi anda.

Jika anda meminta nasihat undang-undang atau perwakilan undang-undang berkaitan dengan pengendalian peruntukan pemberian maklumat di bawah Akta Perbadanan, pendedahan anda juga akan tetap dilindungi seperti yang dinyatakan di atas dan tidak akan dianggap sebagai kilan peribadi berkaitan kerja.

Jika terdapat keraguan, anda hendaklah membuat laporan anda kepada ahli CLTD Executive Team (Pasukan Eksekutif CLTD) atau Perkhidmatan Pemberi Maklumat Cochlear dan laporan anda akan dikendalikan di bawah dasar yang betul.